

FAKTOR DORONGAN AMALAN PENGAJARAN ABAD KE 21 GURU PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH PROGRAM TRANSFORMASI SEKOLAH 2025

ZURAIDAH RAMDZAN^{1*}, RUHAYATI RAMLY²

¹ IPG Kampus Tun Hussien Onn, Johor, Malaysia

² IPG Kampus Tun Hussien Onn, Johor, Malaysia
zuraidah@iptho.edu.my

ABSTRAK

Pembelajaran abad ke 21 adalah salah satu pelan transformasi pendidikan yang dirancang dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 bertujuan membentuk kemenjadian murid untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan pada abad ke 21 melalui Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25). Fokus TS25 adalah mengaplikasikan pembelajaran abad ke 21 (PAK21) dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) agar selari dengan kehendak Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM 2013-2025) yang lebih bersifat fleksibel, kreatif, mencabar dan lebih kompleks. Oleh itu, satu kajian dijalankan untuk melihat apakah faktor-faktor yang mendorong guru Pendidikan Islam melaksanakan amalan pembelajaran abad ke 21 dalam pengajaran di sekolah-sekolah TS25 di negeri Johor. Kajian ini berbentuk kajian kes, dengan menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya. Pengumpulan data dilakukan melalui temu bual secara mendalam, pemerhatian terhadap pengajaran guru dan analisis dokumen. Data dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti 9. Seramai tiga orang guru Pendidikan Islam daripada 3 buah sekolah TS25 di negeri Johor telah dipilih sebagai peserta kajian melalui kaedah persampelan bertujuan. Manakala data temu bual daripada 3 orang pentadbir sekolah juga diperolehi sebagai triangulasi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa GPI dapat melaksanakan PAK21 dalam semua peringkat pengajaran iaitu peringkat perancangan, pelaksanaan dan penilaian pengajaran disebabkan faktor personal (dalaman) GPI yang terdiri daripada faktor keilmuan, motivasi sendiri dan hisbah sendiri serta faktor persekitaran (luaran) terdiri daripada faktor persekitaran sekolah dan pembangunan program. Kajian ini diharap dapat memperkasakan Program Transformasi Sekolah tahun 2025 (TS25) bagi memenuhi keperluan semasa serta memberikan implikasi positif kepada pelaksanaan PAK21 dalam pengajaran Pendidikan Islam di sekolah khususnya yang lebih praktikal.

Kata kunci: Pembelajaran abad ke 21, Guru Pendidikan Islam

1. PENDAHULUAN

Perubahan trend pendidikan dunia yang begitu pesat dapat dilihat setelah berkembangnya pendidikan abad ke-21. Ini kerana pada abad ini kebolehan mengajar secara berkesan seorang guru dicabar dengan kepintaran generasi murid abad ke 21 yang dijangka lebih celik teknologi, pantas pemikirannya berasaskan visual dan dinamik kerana memiliki kecerdasan pelbagai (Masek & Zulkifli, 2018). Generasi tersebut yang teradun dengan pendidikan yang berkualiti dan bermutu akan menjadi pemangkin kepada usaha membangunkan generasi alaf baru yang lebih cemerlang. Oleh itu, sistem pendidikan negara perlu berubah ke arah membina masyarakat yang berilmu, bertamadun serta pembinaan negara bangsa seiring dengan perkembangan yang disebabkan kesan globalisasi, liberalisasi dan kepesatan teknologi maklumat dan komunikasi.

Sejajar dengan itu, satu pembaharuan kurikulum di Malaysia telah digubal seiring dengan keperluan pendidikan masa kini iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mulai tahun 2011. Kurikulum ini memberi fokus kepada pengajaran berpusatkan murid dan pelaksanaannya menjadi penanda aras kepada keberkesanan pendidikan abad ke 21 (Amran & Rosli, 2017). Maka itu satu pelan yang dinamakan pembelajaran abad ke-21 (PAK21) telah dimasukkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 bertujuan

memacu pendidikan negara ke arah pendidikan berkualiti dan bertaraf antarabangsa (KPM, 2013). PPPM merupakan satu dokumen rasmi yang melakar pelan tindakan yang jelas dan menetapkan jangka masa tertentu untuk mencapai sasaran yang ditetapkan termasuklah antara yang terkandung dalam pelan tersebut adalah pencapaian keberhasilan murid yang berteraskan pembelajaran abad ke 21 supaya dapat bersaing dalam pendidikan global yang akan membawa pembaharuan dalam pelbagai aspek terutama dalam bidang pendidikan, ekonomi, teknologi dan sebagainya.

Pembelajaran abad ke 21 yang berfokuskan kepada strategi pengajaran berpusatkan murid telah menuntut seorang guru mempelbagaikan kaedah yang bersesuaian dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Dalam konteks pendidikan formal mahupun tidak formal aktiviti pengajaran dan pembelajaran perlu sentiasa dinilai agar segala kelemahan dapat diperbaiki (Osman & Basar, 2015). Pemilihan strategi pengajaran amat penting dititikberatkan kerana ia akan menghasilkan pembelajaran yang berkesan dan memberi makna kepada murid. Impaknya, hasil pengajaran yang disampaikan akan dapat melahirkan generasi murid yang berilmu secara menyeluruh dan bersepadu serta seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan sebagaimana yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Oleh adalah perlu seorang guru memperkayakan dan menerapkan pelbagai strategi dan kaedah pengajaran yang berasaskan pembelajaran abad ke 21 selaras dengan keperluan murid masa kini.

Pengajaran menerusi pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 sangat membantu guru dan murid dalam usaha mencapai aspirasi pendidikan negara (Nazri et al.2012). Ia telah menjadi satu isu yang hangat dalam dunia pendidikan kerana dilihat mampu memenuhi keperluan pendidikan pada masa kini, di samping membawa perubahan baru dalam dunia pendidikan. Perkembangan ini juga secara langsung membawa perubahan yang besar kepada kurikulum dan pengajaran guru Pendidikan Islam. Oleh itu sebagai guru Pendidikan Islam mereka berperanan sama untuk meningkatkan daya kreativiti, dan peka terhadap permintaan pengajaran yang lebih canggih berbanding dahulu dengan menerapkan elemen-elemen PAK21 iaitu komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika terutama dalam pengajaran Pendidikan Islam yang berteraskan kepada konsep ketuhanan (Othman & Kassim, 2017)

Justeru, bagi memaksimumkan potensi guru dan murid menerusi peningkatan kualiti PdPc dengan mengaplikasi konsep dan amalan terbaik PdPc terbaik, KPM telah memperkenalkan Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) bagi mencapai matlamat tersebut. TS25 adalah satu program yang memfokuskan kepada melahirkan modal insan yang unggul melalui persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan dan penglibatan pembelajaran murid yang aktif lagi bermakna dengan menumpukan peranan guru sebagai pemudahcara. Untuk memastikan matlamat peningkatan kualiti guru dan kemenjadian murid dapat dicapai dalam semua mata pelajaran dan bidang, sekolah memerlukan guru-guru termasuk guru Pendidikan Islam untuk menjadi ejen perubahan kepada murid untuk memproses dan mengaplikasikan ilmu pengetahuan yang diterima. Dengan ini kajian ini dijalankan bagi melihat sejauh mana faktor pendorong dapat membantu guru Pendidikan Islam terutamanya melaksanakan PAK21 di sekolah.

2. PENYATAAN MASALAH

Dengan perkembangan pelaksanaan PAK21 yang dikuatkuasakan melalui pelbagai program KPM seperti Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25), semakan semula kurikulum, Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS), PISA, TIMSS dan program lain di bawah PPPM 2013-2025 yang semakin pesat dalam gelombang kedua (2016-2020), dijangkakan akan terhasil

lebih banyak penyelidikan berkaitan isu PAK21. Imbasan data-data daripada laporan tahunan yang dilaksanakan oleh IAB mendapati banyak elemen-elemen PAK21 yang belum lagi diterokai sepenuhnya oleh pengkaji-pengkaji tempatan di negara ini (Radin & Yasin, 2018). Para pendidik seharusnya menjadi wahana yang boleh membangunkan modal insan yang mampu menghadapi alaf baharu di abad ke-21 dengan dilengkapi kemahiran pedagogi abad ke-21 sebagai salah satu ciri guru dalam pendidikan abad ke-21 (Richardus 2013). Sehubungan dengan itu setiap bahagian di KPM wajar mempunyai platform yang tersendiri untuk mengetengahkan dapatan kajian berkaitan PAK21 sebagai pemangkin kepada kepesatan dan kefahaman bukan sahaja untuk murid, guru, pentadbir sekolah dan pengurus pendidikan, tetapi juga kepada masyarakat secara umum (Yusof, 2016)

Dapatan pemantauan oleh JNJK juga menunjukkan bahawa pembelajaran dan pemudahcaraan Pendidikan Islam masih berpusatkan guru (JNJK, 2015) dan situasi ini menyebabkan mata pelajaran Pendidikan Islam tidak diminati oleh murid-murid (Firdaus et al., 2016) dan menimbulkan keresahan dalam kalangan murid (Yahaya et al., 2019). Hal ini terbukti apabila dianalisis metodologi pengajaran yang digunakan oleh GPI menunjukkan bahawa terdapat guru Pendidikan Islam lebih suka mengaplikasikan kaedah kuliah dibandingkan dengan kaedah lain (Tamuri, 2014). Idealnya, pelaksanaan PAK21 yang berkesan sangat penting untuk menjamin murid-murid di Malaysia khususnya untuk mencapai aspirasi abad ke-21 iaitu berpengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, memiliki etika dan kerohanian, dan beridentiti nasional (Apak & Taat, 2018). Oleh itu guru Pendidikan Islam seharusnya bijak mengaplikasikan pendekatan baharu dari segi kaedah, strategi, pedagogi dan teknik pengajaran untuk disesuaikan dengan kepelbagaian aras murid (Hussin, 2017).

Pelaksanaan PAK21 dalam adalah seiring dengan kepesatan pembangunan menuju ke arah pendidikan bertaraf dunia, yang mana semua warga pendidik termasuk guru Pendidikan Islam memainkan peranan amat penting bagi menggalas amanah besar dalam membentuk generasi muda masa kini dengan budaya pemikiran aras tinggi, kreatif, inovatif dan bersifat futuristik (Mutalib, 2017). Ini kerana PAK21 sangat penting dalam memastikan guru mendapat skor penarafan melebihi lapan puluh peratus dalam SKPMg2 Standard 4 (Azura, 2018). Hal ini demikian kerana semua tindakan yang terdapat dalam SKPMg2 daripada aspek guru berperanan sebagai perancang, pengawal, pembimbing, pendorong dan penilai serta murid yang bertindak sebagai pembelajar aktif berlaku apabila guru melaksanakan PAK21. Pelaksanaannya dalam pengajaran Pendidikan Islam dilihat mampu mendidik murid Islam ke arah mencapai kebahagiaan dalam dua daerah kehidupan iaitu dunia dan akhirat dalam mendepani persaingan dan cabaran di abad ini.

Guru-guru juga seharusnya mempunyai strategi pengajaran melalui pemilihan dan perancangan dalam menentukan pendekatan, kaedah, teknik dan aktiviti dalam sesuatu pengajaran untuk mencapai objektif pengajaran (Wekke, 2014) bersesuaian dengan pendekatan terkini. Dengan itu semua guru mata pelajaran di sekolah perlu menginterpretasikan elemen PAK21 yang bersesuaian dalam pengajaran dan pembelajaran (James et al., 2017). Namun begitu, didapati beberapa kajian lepas menumpukan hanya amalan pengajaran terhadap elemen pembelajaran abad ke 21 tertentu sahaja. Antaranya kajian mengenai amalan pengajaran elemen komunikasi (Lamsah et al., 2019; Suhaimi & Hussin, 2018), elemen kreativiti (Muhammad Sabri et al., 2020), penerapan kemahiran berfikir kritis (Mohd Zaffar, 2017), kolaboratif (Hussin et al. 2017) dan amalan akhlak dan nilai-nilai murni yang boleh mempengaruhi gaya hidup dan akhlak masyarakat (Tamuri & Hussin, 2017). Walaupun guru menyedari manfaat pembelajaran abad ke-21, pelaksanaannya dalam bilik darjah masih pada tahap sederhana kerana guru jarang melaksanakan pembelajaran abad ke-21 dalam kelas disebabkan oleh cabaran dan halangan yang mereka hadapi dari sudut pengetahuan,

kemudahan, resos dan beban dari tugas yang tidak berkaitan dikatakan mempengaruhi amalan pengajaran mereka (Baharudin & Ibrahim, 2020). Mereka memerlukan pendekatan baharu untuk dilaksanakan khususnya dalam kalangan murid-murid kepelbagaian aras, pedagogi, strategi, kaedah, pendekatan dan teknik yang boleh diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran abad ke 21 (Hussin, 2017).

Kesinambungan dari banyak kajian tentang isu-isu pelaksanaan PAK21 tersebut, maka pengkaji dapati masih kurang kajian yang melihat dari sudut faktor-faktor yang mendorong guru melaksanakan PAK21. Maka itu kajian ini telah meneroka isu-isu dari aspek dorongan guru untuk melaksanakan pengajaran berasaskan PAK21 dikalangan guru Pendidikan Islam sekolah rendah di sebuah sekolah TS25 yang akan membuka ruang dan garis panduan kepada guru-guru lain untuk melaksanakannya.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor yang mendorong guru Pendidikan Islam untuk melaksanakan pembelajaran abad ke 21 (PAK21) di sekolah TS25.

4. SOALAN KAJIAN

Berdasarkan pada tujuan kajian di atas, kajian yang dilaksanakan dapat menjawab persoalan berikut iaitu : *‘Apakah faktor yang mendorong guru Pendidikan Islam untuk melaksanakan pembelajaran abad ke 21 (PAK21) di sekolah TS25?’*

5. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes dengan pendekatan kualitatif. Menurut Lebar (2012) kebiasaannya pendekatan kualitatif lebih menekankan kepada penerokaan proses dan makna, bersifat holistik, reka bentuk yang berkembang, menggunakan pensampelan bertujuan, pengumpulan data dalam latar yang sebenar, pengkaji sebagai instrumen, kaedah pengumpulan data secara elektik, strategi kajian secara induktif dan pelaporan hasil kajian dalam bentuk naratif yang panjang. Kelebihan utama reka bentuk kajian kes secara kualitatif ialah membolehkan pengkaji memerhati dan meneliti sesuatu peristiwa dan proses yang berlaku di persekitaran sebenar (Mohd Yusoff, 2004).

Pemilihan peserta kajian ini adalah berdasarkan teknik persampelan bertujuan (*Purposive Sampling*) yang merujuk kepada sampel kajian dipilih dengan tujuan tertentu dan paling sesuai untuk menyampaikan maklumat tentang sesuatu fenomena secara holistik dan bermakna (Patton, 2001). Ia bergantung kepada apa yang hendak diperolehi, tujuan kajian serta masa dan sumber yang ada. Seramai 3 orang guru Pendidikan Islam sebuah sekolah kebangsaan TS25 telah dipilih sebagai peserta kajian. Bagi menjamin kerahsiaan identiti setiap peserta kajian, pengkaji berusaha membersihkan sebarang petunjuk yang boleh mendedahkan identiti mereka. Oleh yang demikian, pengkaji memberikan nama samaran kepada peserta kajian.

Dalam kajian ini, kesahan dan kebolehpercayaan diperolehi melibatkan beberapa langkah, iaitu pengesahan inventori protokol temu bual soalan separa berstruktur, pemerhatian pengajaran, analisis dokumen dan triangulasi. Menurut Merriam (2001) melalui kaedah triangulasi mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi kerana dapat meningkatkan lagi kesahan luaran dan generalisasi dapatan kajian.

6. DAPATAN KAJIAN

6.1 Demografi Peserta Kajian

Bagi melaksanakan kajian ini, seramai tiga orang Guru Pendidikan Islam telah dipilih sebagai peserta kajian. Jadual 1 menunjukkan latar belakang pendidikan dan pengalaman mengajar peserta kajian.

Jadual 1

Latar belakang peserta kajian


Peserta kajian	Pengkhususan universiti	Tahap pendidikan	Kelayakan ikhtisas	Pengalaman Mengajar
Ustazah Salwa	Syariah Islamiah (UKM)	Sarjana	KPLI	16 tahun
Ustazah Azah	Pendidikan Islam (UM)	Sarjana	KPLI	18 tahun
Ustaz Meor	Usuluddin (Universiti AlAzhar, Mesir)	Sarjana Muda	KPLI	14 tahun

6.2 Faktor-Faktor Dorongan Amalan PAK21 Guru Pendidikan Islam

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian berkaitan pandangan peserta kajian terhadap faktor-faktor yang mendorong pelaksanaan pembelajaran abad ke 21 dalam pengajaran Pendidikan Islam. Tema-tema dapatan kajian ini diperolehi daripada analisis temu bual mendalam dengan peserta kajian. Data-data yang diperolehi juga disokong dengan data temu bual bersama wakil pentadbir sekolah peserta kajian. Faktor-faktor yang mendorong guru melaksanakan pembelajaran abad ke 21 terbahagi kepada dua tema utama iaitu faktor personal dan faktor luaran sebagaimana yang dipaparkan dalam rajah 1 di bawah :

Rajah 1

Tema faktor dorongan pelaksanaan amalan pembelajaran abad ke 21 dalam pengajaran Pendidikan Islam



6.2.1 Faktor Personal

Faktor personal ialah faktor dalaman diri guru yang membantu pelaksanaan pembelajaran abad ke 21 dalam pengajaran Pendidikan Islam. Faktor ini terdiri daripada faktor keilmuan, motivasi dalaman dan hisbah sendiri guru Pendidikan Islam untuk melaksanakan pembelajaran abad ke 21.

6.2.1.1 Keilmuan

Ilmu yang bermanfaat yang diperolehi seharusnya disebarikan kepada orang lain agar manfaatnya diperolehi bersama. Menurut Ustazah Azah, pembelajaran PAK21 ini diumpamakan sebagai pembelajaran sepanjang hayat. Selagi guru menjalankan tugas mendidik, amalan PAK21 ini seiring dengan perkhidmatan guru. Menurut beliau, *“Hari-hari kita mengajar. Tanpa kita sedar sebenarnya kita memang dah buat PAK21. Jadi kita kena buat dan buat selagi kita mampu”* (U Azah/TB :063). Begitu juga dengan Ustaz Meor, *“Seronoknya sebenarnya bila kita buat PAK21 dalam masa yang sama kita dapat belajar sesuatu dan cuba perbaiki cara kita ajar murid ..haa..dari masa ke semasa”* (U Meor/TB:051).

Pengajaran sepanjang hayat yang dimaksudkan oleh Ustazah Salwa pula apabila perkara yang diajarkan oleh murid seperti kewajipan menutup aurat dapat diamalkan oleh murid merupakan faktor yang mendorongnya untuk merasai keseronokan mengamalkan PAK21. *“Maksudnya dia fahamlah, tak tutup aurat tu adalah perkara yang teruklah, yang mungkar. Jadi, kita tahu, ohh apa yang kita ajar tu rupanya dia ingat dan dia nasihat pula kawan dia tu. Jadi, tu lah, faktor macam tu lah yang membuatkan kita rasa macam ohh nak buat lagi, nak buat lagi benda PAK21 ni supaya maksudnya, tadi yang kita katakan tadi, pengajaran sepanjang hayat”* (U Salwa/TB :066).

Melaksanakan PAK21 bukan satu masalah yang besar bagi Ustaz Meor. Keterujaan untuk mendapat lebih banyak lagi ilmu tentang pengajaran PAK21 mendorong beliau untuk melaksanakannya. *“Peliklah kalau kata tak boleh buat. Benda-benda sebenarnya tak ada masalahlah bagi saya kalau kita memang boleh jalankan PAK21 dalam kelas untuk Pendidikan Islam. Ilmu baru pun kita dapat.”* (U Meor/TB :027).

Justeru itu, faktor keilmuan menjadi tema utama faktor-faktor yang mendorong peserta-peserta kajian melaksanakan pembelajaran abad ke 21 yang disub tema kepada faktor mendorong untuk pembelajaran sepanjang hayat, memanfaatkan hikmah kebijaksanaan dan mempelbagaikan ilmu pengetahuan.

6.1.1.2 Motivasi Dalaman

Motivasi yang difahami oleh pengkaji adalah satu proses dalaman bagaimana seseorang individu hendak mencapai arah kepada sesuatu tujuan serta meningkatkan keyakinan diri. Semua peserta kajian bersetuju bahawa motivasi dalaman merupakan faktor personal yang mendorong untuk guru melaksanakan amalan pembelajaran abad ke 21 di dalam kelas. Keyakinan yang datang secara sendiri daripada guru mendorong guru melaksanakan aktiviti pembelajaran abad ke 21 sebagaimana pernyataan Ustazah Salwa, *“kita menjadikan PAK21 tu cara pengajaran yang paling senang la dalam sekolah. Tak ada la kita stress dalam sekolah”* (U Salwa/TB:041).

Bagi Ustazah Azah faktor pendorong adalah disebabkan keinginan untuk mengubah diri sendiri menjadi lebih baik yang menjadikan maksud potongan ayat al-Quran itu sebagai pedomannya. *“Kalau cikgu ada keinginan itu untuk mengubah sikap mungkin ia akan berubah*

sebagaimana firman Allah yang bermaksud Allah takkan mengubah diri seseorang itu melainkan dirinya sendiri” (U Azah/TB : 058). Apabila keinginan itu hadir secara natural guru secara tidak langsung menghidupkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan. Tambah Ustazah Azah lagi, “Kalau guru ada keinginan yang betul untuk mendidik bagi apa pun cikgu boleh buat” (U Azah/TB :065).

Bagi ustaz Meor pula pelaksanaan PAK21 ini sebagai cabaran untuk dirinya yang tidak mahu orang lain memandang rendah kebolehan guru Pendidikan Islam. *“Pedagogi pdp Pendidikan Islam boleh dipelbagaikan dan tidak hanya bergantung kepada teknik pdp tradisional sahaja. Guru PI juga boleh berdiri sama tinggi dengan guru subjek lain dan tidak dipandang sepi oleh murid-murid” (U Meor/TB :020). Selain itu, niat untuk membantu murid supaya mendapat ilmu yang bermanfaat dan memahami isi pelajaran juga sebagai motivasi untuk mendorong guru mengamalkan PAK21 dalam pengajaran. “Guru pendidikan Islam ni kena faham dan buat PAK21 ni sebab kita nak ‘train’ murid kita, supaya diorang ni boleh berdikari” (U Salwa/TB :013). Disebabkan perkara itulah bagi Ustaz Meor, motivasi dalaman itu datang bila guru ada matlamat yang jelas tentang apa perlu diajar dan diberikan kepada murid. “Kita mengajar pegang pada satu. Memang kita nak murid kita pandai mengaji, pandai membaca jawi tapi apa cara kita nak murid tu dapat. sebab itulah agaknya KPM suruh kita buat PAK21” (U Meor/TB :085).*

6.1.1.3 Hisbah Kendiri

Hisbah sendiri adalah perasaan untuk mengitung atau menganalisis sikap serta perilaku diri sendiri. Tanggungjawab yang diberikan mestilah dilaksanakan kerana PAK21 adalah perkara yang mesti diamalkan dan diterapkan oleh guru dalam pengajaran. Bagi Ustazah Azah beliau mengatakan bahawa tanggungjawab untuk melaksanakannya mesti ditunaikan walau apa pun perubahan yang diterima. *“Kita kena terima satu perkara apa pun yang mendatang pada kita ,apa pun perubahan yang berlaku sebenarnya kita kena terima secara professional” (U Azah/TB:027). Pandangan ini disokong dengan kenyataan Ustazah Salwa dan Ustaz Meor. “Tugas seorang guru itu sebenarnya meletakkan murid kita pada kedudukan utama. Kalau kita meletakkan murid kita di atas sebenarnya kita automatik akan meletakkan diri kita tu untuk menyempurnakan kehendak pihak yang mengarahkannya”(U Salwa/TB :060). Bagi Ustaz Meor pula, “Sebagai seorang GPI kita kena tunjukkan contoh pada guru lain. Kalau PAK21 tu kena buat kita buat je lah” (U Ahmad/TB :096).*

Begitu juga dengan sifat amanah. Perkara inilah yang sering dihisabkan dalam diri peserta kajian supaya melaksanakan PAK21. Perkara ini dinyatakan oleh melalui data triangulasi oleh pentadbir sekolah, *“Guru Pendidikan Islam ni dia faham ke tak faham PAK21 tu dia kena buat juga. Pentadbir dah suruh buat. Jadi buat je lah barulah diorang fahamkan konsepnya” (U Azah/TBPS1:045). Menurutnyanya amanah yang diberikan oleh pentadbir perlu dilunaskan. Sama seperti kenyataan Ustazah Salwa, “PAK21 ni tidak lah kita dapat masukkan dalam semua bidang. Mana yang sesuai kita masukkan sebab itulah yang diarahkan buat. Jadi kita kena akur” (U Salwa/TB :032)*

6.1.2 Faktor luaran

Faktor luaran adalah perkara-perkara di sekeliling guru yang membantu pelaksanaan pembelajaran abad ke 21 dalam pengajaran Pendidikan Islam yang terdiri daripada persekitaran sekolah dan program pembangunan.

6.1.2.2 Persekitaran Sekolah

Persekitaran sekolah merupakan faktor luaran yang mendorong peserta-peserta kajian melaksanakan PAK21 di dalam kelas. Persekitaran sekolah yang kondusif dan selesa menggalakkan peserta kajian merancang aktiviti-aktiviti PAK21 yang lebih menyeronokkan kepada murid. Maka itu kemudahan dan peralatan yang mudah diperolehi dan diakses adalah perkara utama yang dapat mendorong guru sebagaimana yang dinyatakan oleh Ustazah Salwa, *“Ada televisyen, ada internet yang baik barulah senang kita nak buat PAK21”* (U Salwa/TB:106). Begitu juga dapatan temu bual daripada pentadbir sekolah Ustaz Meor. *“Seronok budak-budak bila ustaz ajar. Selalu ustaz bawa mereka pegi bilik komputer. Jadi kami seronok nak guna komputer”* (U Meor/TBPS2/ :016).

Kemudahan seperti bilik komputer atau bilik khas PAK21 adalah perkara yang sering dinyatakan oleh peserta kajian untuk melaksanakan PAK21. Bagi Ustazah Salwa, *“Memang seronok kalau PAK21 tu kita dapat bawa ke bilik komputer. Jadi murid-murid ni dapatlah kemahiran komunikasi”* (U Salwa/TB :112). *“Sekolah memang ada sediakan satu bilik khas PAK21. Sapa-sapa pun boleh masuk”* (U Azah/TB:181). Faktor yang mendorong guru juga disebabkan adanya pemantauan dan penilaian untuk guru yang melaksanakan PAK21 sebagaimana yang disebut oleh Ustaz Meor, *“Sebab bila pemantauan, cikgu tu tak boleh dapat markah banyak kalau dia tak buat PAK21. Kesian kan”* (U Meor/TB :096).

Sokongan daripada rakan sejawat dan rakan guru lain daripada sekolah yang sama memainkan peranan bersama untuk melaksanakan PAK21. Mereka akan saling membantu dan menyokong rakan-rakan guru untuk menjana idea PAK21. Bagi Ustazah Salwa dia menjadikan rakan guru sekolahnya pula sebagai dorongannya. *“Saya lihat ada sorang cikgu lah kat sekolah saya, cikgu berbangsa Cina sebenarnya. Cikgu bangsa Cina ni, dan dia dah nak pencen dah tahun ni. Jadi, walaupun saya tengok dia dah nak pencen, tapi dia saya tengok, bila saya lalu la kat depan kelas, dia mengajar saya nampak, dia ajar Bahasa Inggeris, subjek Bahasa Inggeris, saya nampak murid seronok belajar dengan kaedah yang dilakukan. Jadi saya selalu bertanya dengan cikgu ni lah tentang macamana nak aplikasikan PAK21 cikgu tersebutlah”* (U Salwa/TB :150).

Selain itu pembudayaan PAK21 di sekolah sebagaimana yang diarahkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia merupakan faktor pendorong daripada persekitaran sekolah. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Ustaz Meor, *“Jadi nak tak nak ,diabad sekarang ini yang mana kementerian ataupun KPM telah mengarahkan semua guru mesti melaksanakan PAK21 sewaktu pdp mereka dijalankan”* (U Meor/TB :030). Kenyataannya disokong oleh temu bual pengkaji bersama pentadbir sekolah, *“Bila KPM dah arahkan, semua guru sekolah kami memang buatlah PAK21 ni. Dah jadi biasa”* (U Meor/TBPS2 :021). Bagi Ustazah Azah dan Ustazah Salwa, prestasi sekolah yang diiktiraf sebagai sekolah TS25 antara faktor yang mereka tidak boleh lari daripada tanggungjawab untuk melaksanakan PAK21. *“..bila TS25 datang sekolah tu PAK21 kena jalankan sekali”*(U Azah/TB:061). Begitu juga dengan Ustazah Salwa, *“Sekolah ini dah budayakan PAK21. Jadi nak ke tak nak kena buat jugak”* (U Salwa/TB:149).

Potensi kemenjadian murid merupakan faktor luaran yang mendorong GPI melaksanakan PAK21. Semua peserta kajian memberi pandangan tentang faktor ini. Antaranya Ustaz Meor, *“Murid ni apabila kita masuk murid kita tengok dia suka, ceria, sebab kita tahu kita masuk tu dia nak belajar..kita pun seronok nak ngajar”* (U Meor/TB1 :062). Bagi Ustazah Salwa pula faktor potensi murid yang lebih celik teknologi menyebabkan beliau perlu melaksanakan PAK21. *“Sekarang murid, dia banyak terdedah kepada teknologi. Jadi, kalau kita buat macam biasa dalam kelas, memang dia tak seronoklah. Sebab kat rumah, dia dah terdedah dengan youtube, dia dah terdedah dengan macam-macam la sekarang kan. Jadi, kita kena ambil kesempatan ni, untuk kita aplikasikan PAK21”* (U Salwa/TB3:078). Begitu juga

dengan Ustazah Azah yang mahukan potensi murid untuk berdikari dan faham apa yang dimuridi menyebabkan beliau terdorong untuk sentiasa mengamalkan PAK21 dalam pengajaran. *“Jadi, sebab utamanya saya nak murid tu sendiri yang buat. Maksudnya, murid tu tunjuk cara. Jadi, kita rasa macam, walaupun kita tak tahulah kat rumah dia buat ke tak, tapi yang penting kita tahu yang dia tu dah faham apa yang kita sampaikan”* (U Azah/TB:060).

6.1.2.3 Program Pembangunan

Peserta kajian memberi pandangan bahawa program-program atau aktiviti yang disertai oleh mereka menjadi faktor luaran yang mendorong kepada pelaksanaan PAK21. Salah satunya adalah perkongsian pintar yang diperoleh daripada pihak PPD. Ini berdasarkan kepada kenyataan Ustazah Azah yang mengatakan bahawa beliau banyak belajar ilmu PAK21 daripada maklumat dan bahan-bahan PAK21 yang dimasukkan dalam DSKP yang dibekalkan dan diterangkan kemahiran-kemahiran PAK21 yang perlu dilakukan oleh guru (U Azah/TB:041). Bagi Ustazah Salwa pula perkongsian pintar yang diperoleh daripada sumber internet mendorongnya untuk mencipta pelbagai aktiviti PAK21. *“Saya banyak mengambil daripada internet, tengok daripada internet, video-video youtube camna diorang mengajar PAK21”* (U Salwa/TB :044).

Tidak dinafikan sekolah yang diisytiharkan sebagai sekolah TS25 pastinya menjadi tempat rujukan sekolah lain dan selalu dikunjungi lawatan kolaborasi. Mereka seringkali menjadi juru cakap dan pembimbing kepada rakan guru daripada sekolah lain untuk mendapatkan pengalaman peserta-peserta kajian ini melaksanakan TS25 dan PAK21. Secara tidak langsung mereka sendiri terdorong mengamalkan PAK21 pada setiap sesi pengajaran sebagaimana yang dinyatakan oleh Ustazah Azah dan Ustazah Salwa. *“Emmm memang letihlah bila ada lawatan daripada sekolah lain. Biasanya memang saya lah dilantik menjadi jurucakap”* (U Azah/TB:138). Sama seperti pengalaman Ustazah Salwa, *“Sekolah lantik saya sebagai SU PAK21. Jadi nak tak nak bila ada lawatan saya lah kena handle”*(U Salwa/TB:089).

Selain itu bengkel dan seminar yang dihadiri oleh peserta-peserta kajian memberi sumber cetusan idea dan dorongan untuk mereka laksanakan pengajaran berdasarkan elemen-elemen kemahiran PAK21. Ia juga dapat membantu guru untuk mempelajari lebih mendalam kaedah-kaedah yang bersesuaian untuk PAK21. Pendapat Ustaz Meor apabila menghadiri sebarang seminar sewajarnya ilmu yang diperolehi daripada seminar yang dihadiri diaplikasikan di sekolah sebagaimana katanya, *“Bila kita dah balik daripada bengkel ke sekolah, kita cuba buat, kita akan nampak benda tu. Kalau setakat teori je masuk dalam kepala kita tapi kalau kita tak merancang dan melaksanakannya memang belum terbuka lagi la.”* (U Meor/TB:052). Maka amalan seperti ini dapat memberi pendedahan dan membantu peserta kajian dalam pengajaran.

Berdasarkan laporan dapatan di atas, dapat dirumuskan bahawa terdapat dua faktor penting yang menjadi pendorong kepada peserta kajian untuk mengamalkan pembelajaran abad ke 21 dalam pengajaran iaitu faktor personal dan faktor luaran. Keseluruhan tema kepada faktor pendorong yang telah dibincangkan di atas dipaparkan dalam Jadual 2 berikut ;

Jadual 2

Senarai tema dan sub tema faktor dorongan amalan pembelajaran abad ke 21 di kalangan guru Pendidikan Islam

Tema	Sub tema	Sub-sub tema
Faktor Personal	Keilmuan	Pembelajaran sepanjang hayat Mempelbagaikan ilmu
	Motivasi	Keyakinan tinggi Keinginan sendiri Cabaran diri Niat membantu
	Hisbah sendiri	Tanggungjawab Amanah
Faktor luaran	Persekitaran sekolah	Kemudahan dan peralatan Penilaian dan pemantauan Sokongan rakan sejawat Pembudayaan PAK21 Potensi murid
	Program pembangunan	Perkongsian pintar Lawatan kolaborasi Bengkel dan seminar

7. PERBINCANGAN

Perbincangan berkaitan faktor-faktor yang mendorong GPI melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dalam pengajaran Pendidikan Islam di sekolah TS25 dipecahkan kepada dua bahagian iaitu faktor personal (faktor dalaman) dan juga faktor persekitaran (faktor luaran). Faktor personal ialah faktor dalaman diri guru yang membantu pelaksanaan pembelajaran abad ke 21 dalam pengajaran Pendidikan Islam. Melalui dapatan kajian terdapat tiga aspek faktor personal iaitu faktor keilmuan, faktor motivasi dan hisbah sendiri yang mendorong GPI melaksanakan PAK21. Faktor keilmuan yang mantap dapat mengukuhkan peranan GPI sebagai pelaksana pengajaran yang berkesan sesuai dengan konsep guru berilmu yang sentiasa berusaha untuk meningkatkan ilmu dan amalan ke tahap cemerlang (Jasmi, 2017). Dorongan untuk mengamalkan PAK21 dalam pengajaran semakin mendalam apabila amalan tersebut membolehkan guru mempelbagaikan pengetahuan yang sedia ada dan ditambahkan lagi dengan ilmu baru yang dipelajari.

Faktor motivasi juga menjadi faktor mendorong untuk guru Pendidikan Islam sekolah TS25 melaksanakan amalan pembelajaran abad ke 21 di dalam kelas. Motivasi itu wujud dari keinginan yang datang dari sikap diri sendiri. Ini sangat bertepatan dengan Model Triangle of Success yang dinyatakan oleh Van Hooser (1998) bahawa sikap itu adalah keinginan yang mana jika tiada keinginan untuk memacu tingkah laku dan prestasi, hasilnya akan menjadi potensi yang tidak direalisasikan tetapi jika tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang hebat sekalipun namun mempunyai sikap keinginan yang terhadap sesuatu itu akan mendorong kepada kejayaan. Dapatan ini selari juga dengan kajian Mohamed et al. (2014) bahawa individu yang menjadikan perkerjaan sebagai ibadah sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni seperti amanah, cekap dan bertanggungjawab kerana menjadikan keredaan Allah sebagai matlamat.

Selain itu, keinginan untuk melihat pelajarnya menjadi insan yang baik dan berjaya juga menjadi motif GPI untuk mendidik pelajar sebaik mungkin.

Berdasarkan perbincangan yang dikemukakan, dapat disimpulkan bahawa faktor dalaman atau personal merupakan pendorong utama untuk membentuk diri sebagai pendidik yang unggul dan beretika untuk melaksanakan PAK21. Kekuatan aspek dalaman ini yang terdiri daripada kekuatan spiritual dan kecerdasan emosi yang tinggi telah memperlihatkan aspek kemenjadian GPI untuk mendokong dan melaksanakan pelaksanaan PAK21 secara efektif. Dapatan ini menyokong kajian oleh kajian Alavi et al. (2012) yang mendapati bahawa guru cemerlang Pendidikan Islam yang dikaji memiliki kecekapan emosi dan sosial yang tinggi semasa mendidik dan berupaya menyemai sahsiah yang positif dalam diri murid melalui sentuhan emosi, rohani dan jasmani. Ini menunjukkan bahawa GPI berusaha melunaskan tanggungjawab untuk melaksanakan PAK21 untuk melahirkan modal insan sebagaimana yang dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Faktor luaran pula adalah perkara-perkara di sekeliling guru yang membantu pelaksanaan pembelajaran abad ke 21 dalam pengajaran Pendidikan Islam yang terdiri daripada dapatan kajian ini adalah faktor persekitaran sekolah dan program pembangunan. Secara umumnya dapatan-dapatan kajian ini mengukuhkan teori Ibn Khaldun (2006) bahawa faktor persekitaran yang baik perlu untuk menghasilkan pengamalan dan penghayatan pembelajaran dalam diri seseorang. Dapatan ini diperkukuhkan oleh kajian oleh Abdul Jaleel et al. (2014) dan Hussin et al. (2015) yang mengatakan bahawa persekitaran sekolah yang kondusif dan memenuhi spiritualiti guru seperti kebahagiaan, keyakinan dan kepercayaan berupaya meningkatkan komitmen guru terhadap tugas yang seterusnya mempengaruhi kualiti diri mereka sebagai pendidik yang unggul.

Melalui pemerhatian pengkaji, persekitaran sekolah yang kondusif dan selesai menggalakkan peserta kajian merancang aktiviti-aktiviti PAK21 yang lebih menyeronokkan kepada murid. Dapatan ini juga menyokong pendapat kebanyakan pakar pendidikan bahawa aspek-aspek utama persekitaran sekolah ini berperanan penting dalam mempromosikan interaksi dan nilai komuniti dalam menyokong pembelajaran di abad ke-21 (Pasukan Pemikir Pendidikan Abad ke-21, 2017). Dapatan kajian menunjukkan faktor persekitaran sekolah melalui faktor rakan sejawat telah memberikan dorongan kepada tindakan GPI sebagai pelaksana PAK21. Dapatan ini secara umumnya menyokong kajian yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu seperti Fakhruddin (2012) bahawa perkembangan kualiti guru sebagai pendidik turut dicorakkan oleh persekitaran di mana seseorang itu membesar dan menjalani kehidupannya.

Berdasarkan laporan dapatan di atas, dapat dirumuskan bahawa terdapat dua faktor penting yang menjadi pendorong kepada peserta kajian untuk mengamalkan pembelajaran abad ke 21 dalam pengajaran iaitu faktor personal dan faktor luaran. Dalam dapatan ini, kewujudan kedua-dua faktor ini sama penting di mana dalaman diri guru perlu bergandingan dengan sistem yang terdapat di sekelilingnya bagi menjayakan pembelajaran abad ke 21 dalam pengajaran Pendidikan Islam di sekolah yang mendapat pengiktirafan sekolah TS25.

8. KESIMPULAN

Secara kesimpulannya dapat dirumuskan bahawa pelaksanaan PAK21 dalam pengajaran oleh peserta kajian didorong oleh faktor-faktor tertentu yang diklasifikasikan kepada faktor personal (dalaman) dan faktor persekitaran (luaran). Dengan iman dan ilmu ini, lahir motivasi sendiri, kepemimpinan dan hisbah sendiri sebagai faktor yang mencetuskan lagi kemahuan, keyakinan dan kesedaran untuk istiqamah melaksanakan PAK21 disamping mengamalkan Islam dan komited terhadap tugas demi mencapai keredaan Allah dan kejayaan

di dunia dan di akhirat. Selain itu, faktor persekitaran sekolah meliputi kemudahan dan peralatan, potensi murid, pentadbir dan sokongan rakan sejawat merupakan antara faktor yang paling kuat mendorong GPI untuk konsisten melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dalam pengajaran Pendidikan Islam.

9. RUJUKAN

- Amran,N. & Rosli,R. (2017). Kefahaman guru tentang kemahiran abad ke21. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*. Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. 26-27 April 2017.
- Apak, J., & Taat, M. S. (2018). Pengaruh Kesediaan Guru Terhadap Pengurusan Bilik Darjah Abad Ke-21. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 3(4), 6. www.msocalsciences.com
- Azura SSic 2018. <https://www.sistemguruonline.my/2018/02/26-perkara-yang-perluanda-tahu-berkaitan-pak-21.html>
- Baharudin,M.A. & Ibrahim,M.A. (2020). Kesediaan pelaksanaan pengajaran abad ke 21 dalam kalangan guru pelatih sejarah ipg zon selatan. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial* 2(5(December 2019): 32–42.
- Fakhrudin,F.M. (2012). *Peranan dan cabaran guru dalam pengajaran Pendidikan Islam*. Selangor Darul Ehsan: Universiti Putra Malaysia.
- Firdaus, A., Noor, M., Jasmi, K. A., Shukor, K. A., Pensyarah, P., & Islam, P. (2016). Masalah sosial dalam kalangan pelajar dan peranan pensyarah pendidikan islam dalam pengajaran dan pembelajaran. *E-Bangi : Journal of Social Sciences and Humanities*, 11(2), 50–61.
- Hussin, N. H. (2017). Pendidikan Abad ke 21 Dalam Kepelbagaian Budaya : Cabaran dan Harapan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) Bahagian Pendidikan Islam ,. *Kertas Kerja Ucaputama Seminar Pedagogi Antarabangsa ke-8 (PEDA8)* (September): 1–12.
- Hussin,N, Azmi,N.A.N & Mat Daud,M. (2017). Pembelajaran kolaboratif melalui aplikasi telefon pintar dalam pembelajaran Nahu. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 4 (1), 43–63.
- Hussin,N.H & Tamuri,A.H. (2017). Faktor perkembangan pengetahuan kandungan pedagogi dalam kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam. *The Online Journal of Islamic Education*, 5 (2), 20–28.
- Hussin,N.H. (2015). Pengajaran Ibadat dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam. Tesis Dr. Fal., Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- James, A. J. E., Samsiah, Lim, S. N., Chai, S. H., Quah, C. S., & Sauki, M. (2017). Panduan Pelaksanaan Pendidikan Abad Ke -21. In *Jurnal Pendidikan Pendidikan Bahasa Melayu* (Vol. 1, Issue September 2017).
- Jasmi,K.A .(2017). Inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran. *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (December 2016): 54–58.
- Jemaah Nazir Jaminan Kualiti. (2015). *Laporan pemantauan pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Kementerian Pendidikan Malaysia: Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Kementerian Pendidikan Malaysia: Putrajaya.

- Lamsah, S.C. (2017). Pengajaran dan pembelajaran melalui aplikasi whatsapp dan telegram di universiti swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42 (2), 87–97.
- Lebar, O. 2012. *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Masek, A. & Zulkifli, Z. (2018). *Memudahcara Pembelajaran Abad Ke 21*. Batu Pahat : Penerbit UTHM
- Merriam, S. B. (2001). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco: Jossey-Bass Pub.
- Mohd Yusoff, M. (2004). *Penyelidikan Kualitatif Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Zhaffar, N. (2017). Kefahaman dan amalan penerapan pemikiran kritis dalam pengajaran Pendidikan Islam sekolah menengah. Tesis Dr. Fal., Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Sabri, S., Nurulhuda, O., & Ilyani Syiham, M. (2020). Aplikasi “Konsep 4C” Pembelajaran Abad ke-21 dalam Kalangan Guru Pelajar Sarjana Mod Pengajian Pendidikan Bahasa Arab Cuti Sekolah UIAM. *E-JURNAL BAHASA DAN LINGUISTIK*, 2(1), 12–22. <http://ejbl.kuis.edu.my>
- Mutalib, Z.A. (2017). RM10 juta peruntukan untuk aktiviti Pendidikan Islam. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/06/293205/> (20 Julai 2020)
- Nazri, M., Alias, A. & Siraj, S. (2012). Kemahiran pembelajaran abad ke 21: teknik pembelajaran berpenyertaan. *Seminar on Quality and Affordable*. Book 2 : 226
- Noor, A.F.M, Jasmi, K.A & Shukor, K.A (2015). Elemen pengetahuan Pensyarah Cemerlang Unit Pendidikan Islam dan Moral di Politeknik Premier: Satu kajian rintis. *The Online Journal of Islamic Education*, 3 (1), 13–21.
- Osman, B.H.A & Basar, M.N. (2016). Amalan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi Jilid 10* : 1–25.
- Othman, M. S., & Kassim, A. Y. (2017). Isu Dan Permasalahan (Pdp) Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Kbat) Dalam Amalan Pengajaran Guru Menurut Pandangan Ibn Khaldun. *Journal of Human Capital Development*, 10(1), 1–18.
- Pasukan Pemikir Pendidikan Abad ke-21. (2017). *Panduan pelaksanaan pendidikan abad ke-21*. Negeri Sembilan: Institut Aminuddin Baki. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Patton, M. Q. (). *Qualitatives Research and Evaluation Methods*. California: Thousand Oak Sage.
- Radin, M., & Yasin, M. A.-M. (2018). Perlaksanaan Pendidikan Abad Ke-21 di Malaysia: Satu Tinjauan Awal. *Sains Humanika*, 10(3–2), 1–6.
- Suhaimi, Z.A & Hussin, R. (2018). Inovasi penggunaan facebook sebagai satu media pengajaran dan pembelajaran murid sekolah dalam Pendidikan Seni Visual. *Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 6 (May), 30–46.
- Tamuri, A.H. (2014). Pembaharuan kurikulum Pendidikan Islam di Malaysia. Dlm. Abd. Karim Ali, & Rumaizi Ahmad (pnyt.), *Islam dan Tajdid: Tinjauan isu-isu dan perspektif semasa* (hlm. 129–154). Selangor Darul Ehsan: Persatuan Ulama' Malaysia.
- Van Roekel, D. (2014). Preparing 21st century students for a global society: An educator ' s guide to the “Four Cs”. *National Education Association*, 1–37 .
- Wekke, I.S. (2014). *Model Pembelajaran Bahasa Arab Faktor Dorongan dan Halangan Penggunaan*. Penerbit Deepublish. Yogyakarta

- Yahaya, M., Hanafiah, R., Zakaria, N. S., Osman, R., & Bahrin, K. A. (2019). Amalan pembelajaran abad ke-21 (pak21) dalam pengajaran dan pemudahcaraan (pdpc) guru-guru sekolah rendah. *Ipda*, 26, 13–24.
- Yusof, F. (2016). *Kesediaan Guru Sekolah Menengah Mengamalkan Pdp Abad 21* (p. 74).

Rujukan (A.P.A versi 7)

Harrington, A. (2005). Modern Social Theory. 1-13.

Harris, A. L., Lang, M., Yates, D., & Kruck, S. E. (2008). Incorporating Ethics and Social Responsibility in IS Education. *Journal of Information Systems Education*, 22(3), 183-189.

Harun, R., Hock, L. K., & Othman, F. (2011). Environmental Knowledge and Attitude among Students in Sabah. *World Applied Sciences Journal*, 14, 83-87.